

# PM puas hati operasi kereta

UM 13 JAN 2002

SEPANG 12 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berpuas hati dengan operasi kereta api laju KLIA Ekspres yang menghubungkan Kuala Lumpur dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Perdana Menteri berkata, perjalanan menggunakan KLIA Ekspres yang dikendalikan oleh Express Rail Link Sdn. Bhd. (ERL) itu amat baik dengan tempoh yang pendek untuk bergerak dari stesen Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) ke KLIA.

“Saya rasa ia amat baik dan sebenarnya telah mengatasi masa yang dijadualkan iaitu 26 minit berbanding 28 minit yang diiklankan.

“Pada pandangan saya, mereka boleh meneruskan operasi (seperti yang dijadualkan)” katanya kepada pemberita di kompleks landasan udara ERL di sini hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri membuat lawatan dan menaiki kereta api KLIA Ekspres dari stesen KL Sentral ke KLIA.

Dr. Mahathir turut berpeluang memandu KLIA Ekspres selama beberapa minit pada kelajuan maksimum yang dibenarkan iaitu 160 kilometer sejam.

Pkrjalanan sejauh 57 kilometer itu sepatutnya mengambil masa selama 28 minit sebaliknya tiba dua minit lebih awal.

Turut mengikuti lawatan itu ialah Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ah, Pengerusi Eksekutif ERL, Datuk Mohd.

## api laju KLIA Ekspres

Nadzmi Mohd. Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif ERL, Dr. Aminuddin Adnan.

Perdana Menteri turut meluangkan masa untuk melawat kaunter masuk serta sistem pengendalian bagasi di Terminal Udara Kuala Lumpur (KL CAT) di stesen KL Sentral dan pelantar ketibaan serta berlepas di Bangunan Terminal Utama KLIA.

Operasi percubaan percuma KLIA Ekspres akan diadakan selama dua minggu

pada April ini sebelum perkhidmatan berbayar dimulakan pada 19 April.

Dengan penggunaan KLIA Ekspres, para penumpang kapal terbang yang ingin berlepas dari KLIA hanya perlu membuat 'check-in' pemeriksaan dan penghantaran bagasi dan pengesahan kastam di KL CAT.

Mereka kemudiannya boleh menaiki KLIA Ekspres terus ke KLIA dan menaiki kapal terbang tanpa sebarang pemeriksaan atau pengesahan lanjutan.

Para penumpang yang mendarat di KLIA pula hanya perlu menaiki KLIA Ekspres ke KL Sentral dan membuat pengesahan kastam atau tuntutan bagasi di KL CAT.

KLIA Ekspres akan berlepas dari kedua-dua terminal setiap 15 minit dengan tempoh perjalanan yang dijamin tidak melebihi 30 minit.

Perkhidmatan itu dijangka membawa sehingga 10,000 penumpang sehari pada tahun pertama operasi penuh, dengan bayaran RM35 satu hala.

Selain KLIA Ekspres, ERL akan turut mengendalikan perkhidmatan komuter KLIA Transit yang akan berhenti di stesen-stesen Bandar Tasik Selatan, Putrajaya dan Salak Tinggi.

Mengenai kadar bayaran KLIA Ekspres yang dianggap tinggi oleh sesetengah pihak, Perdana Menteri berkata, bayaran yang dikenakan oleh KLIA Ekspres adalah amat murah memandangkan ia merupakan antara perkhidmatan yang terbaik di dunia.

“Orang Malaysia mahu semuanya yang terbaik di dunia tetapi hendak bayarannya murah atau percuma terus.

“Jika anda mahu sesuatu, sepatutnya anda perlu membayar,” tegas Perdana Menteri.

Sebagai perbandingan, perkhidmatan yang sama di lapangan terbang Hong Kong dan Heathrow (London) mengenakan bayaran sebanyak 80 dolar dan Hong Kong (RM40) dan 12 paun (RM66).